

KM JAS 30/2024



**SIARAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR**

**PENDAKWAAN KE ATAS SUSPEK YANG TERLIBAT DI DALAM KES
PENCEMARAN BAU
DAN HENTI TUGAS LOJI RAWATAN AIR
RANTAU PANJANG, SUNGAI SELANGOR FASA SATU (SSP1),
SUNGAI SELANGOR FASA DUA (SSP2)
DAN SUNGAI SELANGOR FASA TIGA (SSP3)**

PUTRAJAYA – Susulan insiden pencemaran bau dan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang, Sungai Selangor SSP 1, 2 dan 3 pada 23 Julai 2024 yang lalu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor ingin mengesahkan pendakwaan ke atas seorang daripada suspek yang terlibat yang disyaki melepaskan buangan bahan kimia ke dalam perairan daratan berhampiran kawasan perindustrian Jalan Kampung Orang Asli, Kuang, Rawang, Selangor. Pertuduhan dibuat di bawah Seksyen 25(3), Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 (AKAS) dibaca bersama Seksyen 25(1), Akta yang sama.

Suspek merupakan seorang warga negara China berumur 42 tahun mengaku tidak bersalah atas pertuduhan yang dibacakan. **Suspek berhadapan dengan hukuman penjara mandatori sehingga lima tahun dan boleh juga dikenakan denda minimum RM50,000 dan maksimum sehingga RM10 juta jika disabitkan atas kesalahan ini.** Pendakwaan diketuai oleh Timbalan Pendakwaraya Negeri Selangor Puan Raja Zaizul Faridah Binti Raja Zaharudin

bersama-sama Timbalan Pendakwaraya Jabatan Alam Sekitar Puan Nurliyana Binti R.Azmi. Hakim Puan Nor Rajiah binti Mat Zin tidak membenarkan permohonan jamin terhadap OKS dan menetapkan 10 September 2024 sebagai tarikh serahan dokumen. OKS diwakili oleh peguam dari Tetuan Karpal Singh & Co.

Semua pihak industri adalah diingatkan bahawa tindakan tegas di bawah AKAS 1974 akan dikenakan ke atas mana-mana premis yang melakukan pencemaran alam sekitar. AKAS 1974 yang telah dipinda dan mula berkuatkuasa pada 7 Julai 2024 telah memberi keutamaan kepada pindaan hukuman, denda dan penalti di mana melibatkan julat kadar denda antara RM5,000 hingga RM10 juta, selain penjara mandatori tidak melebihi lima tahun. Selain itu, kadar kompaun juga ditingkatkan daripada maksimum RM2,000 kepada tidak melebihi 50 peratus daripada denda maksimum kesalahan berkaitan.

JAS komited dalam menangani sebarang isu berhubung pencemaran dan menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke aduan_k@doe.gov.my melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

-TAMAT-

DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia
9 OGOS 2024